

JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABA ANNEGERI TANPELAJARAN. IJABATAN
 JABA **910/1** ANNEGERI TANPELAJARAN. **STPM** IJABATAN
 JABAIANPELAJARANNEGERI TANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARAN **BAHASA MELAYU** IARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGI **KERTAS 1** NPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGI NPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN
 JABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATANPELAJARANNEGERISABAHJABATAN



SMK ELOPURA 2, SANDAKAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM
 PENGGAL 1
 6 RENDAH 2012**

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA
 DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A,
 Bahagian B, dan Bahagian C*

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A
 dan Bahagian B dan **satu** soalan dalam Bahagian C.*

*Ada **dua puluh** soalan dalam bahagian A. Tiap-tiap soalan
 diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul
 dan bulatkan pada jawapan anda pada kertas soalan ini.*

*Calon dikehendaki menjawab soalan dalam bahagian B dan
 Bahagian C pada helaian jawapan. Ikat helaian jawapan anda
 bersama dengan kertas soalan ini.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan
 dalam tanda kurung []*

Untuk kegunaan pemeriksa	
<i>Bahagian A</i>	
20 soalan	
<i>Bahagian B</i>	
Soalan 1-3	
<i>Bahagian C</i>	
Soalan 1	
Soalan 2	
Soalan 3	
Soalan 4	

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

6

<i>Organisasi X</i>	
Tujuan dan aktiviti penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Memelihara, memperluaskan, dan memodenkan bahasa Melayu dengan menyeragamkan ejaan, mencipta istilah baharu, dan memelihara ejaan Jawi • Menerbitkan buku, membentuk istilah, dan mengadakan majlis-majlis ceramah
Pengasas	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dan Datuk Muhammad Ibrahim Munsyi

Organisasi X dalam rajah di atas ialah

- A. Angkatan Sasterawan 50 C. Persaudaraan Sahabat Pena Malaya
 B. Pejabat Karang Mengarang D. Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa

7 Yang manakah pernyataan yang menunjukkan perancangan bahasa Melayu moden pada peringkat kedua?

- I melaksanakan rancangan yang disusun
 II mempertimbangkan kedudukan bahasa-bahasa lain
 III memilih bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
 IV melaksanakan kajian semula terhadap kedudukan bahasa kebangsaan

- A. I dan II C. II dan III
 B. I dan IV D. III dan IV

8 Yang manakah kumpulan kata yang berimbuan bahasa Inggeris?

- A. Subsistem, biadab, politeknik, prasejarah
 B. Antisocial, subbidang, prokerajaan, poliklinik
 C. Nasionalisme, mahaguru, ultraungu, antipenjajah
 D. Dermawan, dwitahunan, juruterbang, prasekolah

9 Yang manakah perkataan yang terbina daripada pola suku kata KVK pada praakhir?

- I pasti, punca III keras, sentuh
 II buntu, resah IV semput, pintu

- A. I dan II C. II dan III
 B. I dan IV D. III dan IV

10


	<i>Jenis Vokal</i>		<i>Kata</i>
I	Vokal Depan Luas	P	gesek, belek, kelek
II	Vokal Depan Separuh sempit	Q	bolos, logo, ozon
III	Vokal Belakang Sempit	R	asmara, pasaran, lantaran
IV	Vokal Belakang Separuh Sempit	S	busur, mujur, kurus

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan kata yang mengandungi vokal tersebut?

	I	II	III	IV
A	Q	S	P	R
B	P	S	Q	R
C	R	P	S	Q
D	S	Q	R	P

11 Pilih pasangan perkataan yang terdiri daripada bunyi vokal depan luas pada suku kata praakhir dan bunyi vokal belakang sempit pada suku kata akhir.

- A makbul, cabut
 B lambak, sabun
 C pastor, sambut
 D gertak, tangguh

12  Depan lidah dinaikkan setinggi-tingginya
 Udara keluar berterusan
 Bibir hampar
 Pita suara bergetar

Perkataan yang diwakili oleh X ialah

- A sirip, nipis, titip
 B ribut, toreh, kisar
 C suri, rimas, remeh
 D sirap, rasmi, sasar

13 Yang manakah perkataan yang dihasilkan dengan cara menggetarkan lidah?

- A perap, sirap, tebus
 B serah, tewas, jujur
 C rasmi, getar, tartar
 D pastri, cemuh, jujuk

14

- Bibir bawah dirapatkan pada gigi atas
- Udara keluar dari paru-paru dan bergeser di daerah rapatan bibir bawah dan gigi atas
- Bunyi tidak bersuara

Yang manakah perkataan yang dihasilkan dengan cara di atas?

- A Bistro
 B Firaun
 C Vektor
 D Piramid

15 Yang manakah padanan konsonan yang dihasilkan dengan udara keluar secara serta-merta tanpa menggetarkan pita suara?

- A t, b
 B p, k
 C p, g
 D t, d

16 Yang manakah pernyataan yang benar tentang bunyi konsonan?

- A Semasa mengeluarkan bunyi konsonan, pita suara tidak digetarkan
- B Semua bunyi konsonan letusan bahasa Melayu menggetarkan pita suara
- C Gigi merupakan daerah artikulasi yang aktif dalam penghasilan bunyi konsonan
- D Semua bunyi konsonan sengauan bahasa Melayu memerlukan getaran pita suara

17 Yang manakah kumpulan kata yang terhasil dengan cara udara mengalami sekatan di daerah gusi?

- A teras, nanti, lalat, silat
- B mahir, nyiru, kebas, rela
- C wajib, nganga, ceria, lerai
- D keras, garam, nyanyi, hidap

18

P	Ali <i>nyata berang</i> apabila melihat kemesraan Aminah bersama Razak.
Q	Milah <i>menyanyi</i> kegembiraan apabila mendapat keputusan <i>cemerlang</i> dalam peperiksaan

Yang manakah persamaan penghasilan bunyi sengauan yang terdapat dalam ayat P dan Q di atas **kecuali**

- A Udara keluar melalui rongga hidung
- B Lelangit lembut diturunkan ke belakang rongga tekak
- C Pita suara bergetar semasa menghasilkan bunyi sengauan tersebut
- D Daerah artikulasi yang terlibat dalam penghasilan bunyi sengauan tersebut.

19

- Depan lidah ditemukan dengan daerah lelangit keras
- Udara keluar melalui rongga mulut dan mengalami sekatan
- Sekatan udara dilepaskan perlahan-lahan
- Pita suara tidak digetarkan

Bunyi yang terhasil dengan cara di atas terdapat pada kata

- A cetera
- B syarat
- C tauliah
- D jentayu

20

Q

- Terhasil dengan satu hembusan nafas dan satu puncak kelantangan
- Terdiri daripada rentetan dua vokal
- Terdapat tiga jenis dalam bahasa Melayu

Q dalam rajah di atas merujuk kepada kumpulan kata

- A muat, bidai, soal
- B boroi, silau, kedai
- C biadap, biasa, pulau
- D syafaat, dialog, baiduri

Bahagian B
(30 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Seperti kebanyakan daripada penduduk di negara membangun, sebahagian besar rakyat Malaysia enggan bercakap banyak tentang isu perlindungan alam sekitar. Kebanyakan rakyat negara ini *hanya menganggukkan kepala dan bising-bising sikit* apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membangkitkan soal alam sekitar.

Rakyat negara ini belum pernah mengalami sungai bertukar menjadi lautan api seperti yang berlaku di Sungai Ohio pada tahun 1960-an kerana sungai tersebut terlalu teruk tercemar dengan bahan mudah terbakar. Rakyat negara ini juga tidak pernah mengalami hujan asid seperti yang berlaku di beberapa buah negara Scandinavia pada tahun 1980-an. Hakikatnya, semua ini tidak mustahil berlaku di negara ini. Mungkin banyak pihak berasa selesa dengan statistik yang sering kali disebut iaitu 60 peratus daripada muka bumi Malaysia masih diliputi hutan hijau. Sebenarnya, angka tersebut mengelirukan kita kerana separuh daripada angka yang disebutkan itu merupakan kawasan ladang dan selebihnya ialah tanah yang terlalu curam dan berbahaya untuk dieksploitasi. 5

Kini, negara ini mempunyai terlalu sedikit hutan tanah rendah kerana kebanyakannya ditebang dan dimusnahkan untuk aktiviti pembalakan atau pembangunan. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan suhu, hakisan tanah, banjir kilat, dan kekurangan bekalan air bersih. Kebanyakan negeri yang mengalami masalah kekurangan air biasanya terdiri daripada negeri yang kebanyakan hutannya diteroka. Oleh sebab itu, semua negeri di Pantai Timur Semenanjung jarang-jarang mengalami masalah kekurangan air. 10

Isu ini sebenarnya sudah dibangkitkan dahulu dan banyak janji daripada pelbagai pihak telah dibuat untuk membetulkan keadaan. Konflik utamanya ialah pembangunan perlu diteruskan demi kepentingan bersama. Persoalannya, bagaimanakah untuk menyeimbangkan pembangunan fizikal dengan tanggungjawab memelihara alam sekitar? Hal ini membawa banyak perjanjian antarabangsa seperti Deklarasi Rio dan Protokol Kyoto tetapi sehingga kini tidak banyak negara yang berjaya mencapai matlamat yang digariskan. 15

Terdapat beberapa faktor tertentu yang menyebabkan kebanyakan negara gagal mencapai matlamat itu. Antaranya, *gesaan untuk memaksimumkan keuntungan dalam jangka masa pendek*. Kebanyakan orang berfikir bahawa apa-apa yang berlaku pada masa 100 tahun lagi sudah tidak bermakna kerana mereka sudah tiada. Walaupun kenyataan itu ada kebenarannya, bumi ini bakal diwarisi oleh generasi seterusnya untuk meneruskan kehidupan. Jika hanya keuntungan jangka masa pendek yang diutamakan, generasi seterusnya bakal menghuni bumi yang tenat dan hampir mati! 20

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Julai 2007)

1. Jelaskan maksud frasa

- (a) ...*hanya menganggukkan kepala dan bising-bising sikit* (Baris 3) [2]
 (b) ...*gesaan untuk memaksimumkan keuntungan dalam jangka masa pendek* (Baris 27) [2]

Jika hanya keuntungan jangka masa pendek yang diutamakan, generasi seterusnya bakal menghuni bumi yang tenat dan hampir mati!

2. Apakah mesej yang mahu disampaikan oleh penulis melalui petikan di atas? (Baris 30, 31, dan 32) [6]
3. Berikan ulasan anda tentang pendapat ini dengan mengemukakan bukti-bukti yang sesuai. Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan [20]

BAHAGIAN C

[50 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan. dengan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

1. Akhir-akhir ini, pihak penerbit filem dan drama berlumba-lumba untuk menghasilkan filem dan drama yang berunsur mistik. Huraikan kesan buruk yang timbul daripada filem dan drama yang berbentuk demikian dan berikan cadangan anda untuk menanganinya.
2. Walaupun kita sedang berusaha untuk menjadi negara maju, namun soal kebersihan di tempat awam masih lagi menjadi isu yang diperdebatkan oleh masyarakat di negara ini. Kemukakan pendapat anda tentang punca-punca berlakunya masalah ini dan berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.
3. Inflasi atau kenaikan harga barang merupakan musuh pengguna dan boleh meninggalkan kesan yang buruk bukan sahaja kepada pengguna malah kepada negara. Dengan menggunakan contoh yang sesuai, jelaskan kesan inflasi dan berikan langkah – langkah yang boleh diambil untuk meminimumkan kesan tersebut.

<http://dermagabmk1.blogspot.com>